

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 11 MAR 2016



ANTARA peserta aktiviti menanam pokok sempena Program Shah Alam Trees For Life 2016 di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14, Shah Alam.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 11 MAR 2016

Shah Alam bandar hijau

■ 250 sukarelawan sertai program tanam pokok anjuran MBSA

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan program penanaman pokok 'Shah Alam Trees For Life 2016' kali kedua tahun ini di Jalan Persiaran Damai, Seksyen 14, dekat sini, baru-baru ini.

Program dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM) Selangor itu bertujuan memupuk sikap cintakan alam sekitar dalam kalangan penduduk Shah Alam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya Shahrin Ahmad berkata, program berkenaan komitmen berkerjasama MBSA untuk menghidupkan landskap bandar raya Shah Alam melalui aktiviti penanaman pokok.

"Selain itu, program ini juga menerapkan budaya kerja secara sukarelawan kepada peserta terbabit khususnya golongan muda.

"Seramai 250 peserta termasuk 40 kakitangan TM Selangor, 43 pelajar Sunway College, lima pelajar Seko-

lah Kebangsaan (SK) Subang Bestari 2 dan sukarelawan serta kakitangan MBSA terbabit aktiviti ini," katanya.

Shahrin berkata, 500 pokok Tecoma stans dan *Bucida molinetii* ditanam di sekitar kawasan Persiaran Damai, Seksyen 14 bertujuan menghidupkan persekitaran berkenaan.

FAKTA
Sebanyak 500 pokok Tecoma stans dan *Bucida molinetii* ditanam di sekitar Persiaran Damai, Seksyen 14

Selain itu katanya, tiga taklimat bertajuk 'Local Tree Species' disampaikan Dr Jean Joseph Weber (Yahya Yusuf Weber); 'Amalan Mesra Alam - Going green starts with me' oleh Datin Rossiti Aishah Rashidi dan 'Shah Alam Trees for Life 2016 - House Rules' oleh Bernard Eng Kim Sheng.

Menurut Shahrin, sebagai sokongan dan komitmen terhadap program penanaman pokok itu TM Selangor memberikan sumbangan RM3,000 kepada MBSA.